

Majlis Ulangtahun Ke-36 MTIB

Rabu, 13 Februari 2013 16:33



- MALAY VERSION ONLY -

UCAPAN ALUAN OLEH Y.BHG. DR JALALUDIN HARUN,
KETUA PENGARAH MTIB, SEMPENA MAJLIS ULANG
TAHUN KE 36 MTIB BERSAMA YG BERHORMAT
DATO' HAMZAH ZAINUDDIN, TIMBALAN MENTERI
PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
PADA 19 JUN 2009.

Terima kasih saudara /saudari Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Dato' Hamzah Zainuddin
Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Yang Berbahagia. Datuk Wira Ismail bin Saleh
Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
Merangkap Pengerusi Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Ahli-ahli Jemaah Lembaga MTIB

Pegawai-pegawai kanan kementerian

Tetamu-tetamu jemputan tuan-tuan dan puan-puan, saudara saudari yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Pertamanya, bagi pihak Pengurusan dan warga kerja Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran serta mengucapkan selamat datang kepada semua hadirin di dewan ini bagi memperingati penubuhan MTIB yang kini telah mencapai 36 tahun. Saya juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Hamzah Zainuddin, Timbalan Menteri Perusahaan dan Komoditi yang sudi meluangkan masa bersama-sama kita semua pada majlis pagi ini.

Saya juga amat menghargai kehadiran tetamu-tetamu jemputan kita, ahli-ahli Jemaah Lembaga MTIB yang banyak membantu MTIB tanpa jemu dalam merangsang dan menggerak pertumbuhan ekonomi negara menerusi prestasi cemerlang dalam industri kayu. Tidak lupa juga kepada pihak media yang senantiasa memberi sokongan kepada sektor berasaskan kayu melalui rencana-rencana untuk tatapan umum dan jalinan kerjasama ini amat memberikan makna yang besar kepada saya serta seluruh warga MTIB dalam usaha kami untuk memudahcarakan pembangunan industri perikanan negara.

Yang Berhormat Datuk, tetamu-tetamu jemputan, tuan-tuan dan puan-puan,

Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit latar belakang berhubung peranan MTIB. Ianya ditubuhkan pada 1 Jun 1973 melalui Akta Parlimen, iaitu Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Akta 105). Peranan utamanya ialah untuk menggalakkan pembangunan perusahaan kayu tempatan terutamanya berkaitan dengan penggunaan kayu untuk pengeluaran produk yang bernilai tambah, serta memperluaskan pasarannya di dalam dan juga di luar negara. Di samping itu, MTIB turut mengatur perancangan bagi pembangunan industri kayu kayan serta kemajuan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), termasuk dalam menjana tenaga kerja yang mahir. MTIB juga merupakan agensi pemantauan perdagangan yang bertanggungjawab memastikan urusan import dan eksport dilaksanakan mengikut peraturan yang berkuatkuasa. Berbagai aktiviti dan program yang telah dirancang dan dijalankan untuk mencapai matlamat

penubuhan MTIB dan untuk menepati serta seiring dengan agenda pembangunan ekonomi dan perindustrian negara. MTIB juga telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan dua bidang baru, iaitu pembangunan ladang hutan, serta pembangunan fiber dan biokomposit, yang merupakan sumber-sumber bahan mentah yang penting untuk memastikan industri ini giat berkembang secara berterusan.

Bagi menyediakan arah tuju industri perकayuan Malaysia, MTIB telah diamanahkan oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) untuk menerajui penggubalan satu pelan tindakan berstruktur yang membolehkan industri ini berdaya maju dan beroperasi secara lestari di samping mengekalkan daya saingnya. Langkah-langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang sehingga tahun 2020 tersebut digubal sebagai Dasar Industri Perकayuan Negara atau National Timber Industry Policy (NATIP) yang telah pun dilancarkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 17 Februari 2009 yang lalu. NATIP akan memberi landasan dan garis panduan berkenaan halatuju pembangunan bagi setiap sektor dalam industri kayu kayan yang perlu dimainkan oleh kerajaan dan juga pihak swasta.

Para hadirin sekalian,

Kepentingan terhadap amalan pengurusan hutan secara berkekalan sewajarnya diberi tumpuan supaya generasi akan datang boleh turut menikmati anugerah Tuhan yang tidak ternilai ini. Bagi memastikan industri memproses kayu tidak ketandusan bekalan sumber, KPPK, melalui MTIB, telah menggerakkan program untuk membangunkan ladang hutan berkala besar secara komersial di Malaysia. Sasaran penanaman di bawah program tersebut adalah sejumlah 375,000 hektar untuk dibangunkan dalam masa 15 tahun. Dijangkakan sejumlah 25,000 hektar ladang hutan akan diwujudkan setiap tahun di bawah program tersebut. Lapan spesies utama telah dikenalpasti bagi program ini, termasuk Kayu Getah, Acacia spp, Jati, Sentang, Laran dan lain-lain lagi. Di samping itu, pengimportan bahan mentah turut digalakkan bagi menampung keperluan industri pemprosesan tempatan.

Yang Berhormat Datuk, tetamu-tetamu jemputan, tuan-tuan dan puan-puan,

Industri kayu negara telah dikelaskan sebagai industri berasaskan sumber berdasarkan Pelan Induk Perindustrian (IMP). IMP memberi penekanan kepada pengeluaran produk kayu yang mempunyai nilai ditambah (Value added timber products), yang mempunyai rantai nilai (Value chain). Sehubungan dengan itu, Pusat Pembangunan Fiber dan Biokomposit (FIDEC) telah ditubuhkan di bawah naungan MTIB, yang bertujuan untuk membangunkan dan memajukan industri fiber dan biokomposit di Malaysia. FIDEC berfungsi sebagai sebuah pusat setempat bagi pengumpulan maklumat hasil penyelidikan dan pembangunan berkaitan industri fiber dan biokomposit di negara ini. Pusat ini turut berperanan untuk menggalakkan aktiviti pengkormersialan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dilaksanakan oleh institusi penyelidikan dan universiti tempatan, bagi memacu pembangunan industri ini ke peringkat antarabangsa. Saya amat mengalu-alukan para pengusaha, pelabur dan penyelidik untuk memperolehi khidmat nasihat dan perundingan dari FIDEC dalam bidang pengeluaran dan pemasaran produk biokomposit secara komersil.

Di samping itu, perkembangan persekitaran perniagaan di pasaran dunia tidak ketinggalan menjadi fokus kami di MTIB. Menyedari bahawa kebanyakan negara pengeluar kayu tropika mengambil masa untuk mendapat pengiktirafan pensijilan terhadap hutan mereka, kebanyakan negara pembeli akan berusaha mendapatkan kayu yang sah (legal timber), iaitu kayu yang diperolehi daripada sumber yang sah (legal sources). Oleh yang demikian, Malaysia kini sedang berunding dengan pihak Kesatuan Eropah (EU) mengenai Forest Law, Enforcement, Governance and Trade bagi mengwujudkan satu Voluntary Partnership Agreement atau FLEGT VPA. Adalah dijangkakan, apabila VPA ini dimuktamadkan kelak, eksport semua produk kayu-kayan Malaysia ke EU akan mendapat pengiktirafan pensijilan sah (certified legal). Ini akan memberikan kelebihan tambahan kepada produk kayu Malaysia berbanding negara pengeluar lain yang tidak memperolehi pensijilan kayu daripada sumber yang sah bagi produk kayu-kayan mereka.

Para hadirin yang dimulikan,

Stategi-strategi di atas merupakan beberapa kaedah yang dilaksanakan oleh MTIB bagi memastikan perusahaan kayu kayan Malaysia terus relevan di era ekonomi yang kian tidak menentu, usaha-usaha halangan bukan-tarif, sentimen terhadap alam sekitar dan berbagai cabaran dalaman dan luaran. Saya akan terus memastikan agar MTIB memainkan peranannya dengan penuh iltizam dan integriti, disokong dengan

peruntukan-peruntukan baru dalam Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia yang telah pun siap dipinda. Insyaallah pindaan kepada Akta ini akan dibentangkan di Kabinet pada minggu hadapan dan seterusnya di Parlimen pada sesi yang akan datang supaya ianya berfungsi sebagai peneraju penambahbaikan dalam industri kayu kayan Malaysia. Semakan terhadap Akta telah dilaksanakan bagi memastikan kelicinan tugas-tugas Lembaga dengan menambahbaik seksyen-seksyen yang berkaitan dengan pentadbiran, penguatkuasaan dan aktiviti lain di MTIB.

Tuan-tuan dan puan-puan

Sebagai sebuah agensi yang bertanggung jawab dalam industri kayu, MTIB senantiasa berusaha untuk memberikan maklumat dan menyediakan perkhidmatan secara cepat dan menepati keperluan-keperluan pelanggannya. Pengaruh globalisasi, liberalisasi ekonomi dan perkembangan dalam teknologi maklumat dan komunikasi dalam segenap aspek menuntut wargakerja MTIB agar perlu senantiasa peka kepada perubahan-perubahan yang berlaku di dalam persekitaran ini. Warga kerja MTIB perlu mengubah cara bekerja, cara berfikir dan perlu bertindak dengan lebih berkesan. Maka yang demikian kepakaran dan kemahiran amat penting dalam memenuhi keperluan terkini MTIB dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada industri perkayuan. Setiap wargakerja perlu melengkapkan diri dengan setiap kepakaran yang diperlukan. Saya meminta wargakerja MTIB senantiasa berpandangan jauh, terbuka, kreatif, inovatif dan senantiasa berani membawa perubahan bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang diberikan. Jika tumpuan selama ini menjurus kepada produktiviti dan output, tapi pada hari ini dan seterusnya produktiviti harus digabungkan bersama kreativiti dan inovasi. Gabungan ketiga-tiga inilah yang akan mampu melonjakkan kecekapan dan keberkesanan kita semua.

Sebagai menghargai wargakerja yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam tanggung jawab mereka ke atas organisasi maka MTIB telah memilih seramai 36 orang wargakerjanya untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada pagi ini. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada mereka-mereka yang terpilih mendapat anugerah ini. Jadikanlah anugerah ini sebagai teras dan pendorong untuk lebih berusaha bagi mempertingkatkan sistem penyampaian yang lebih cekap, berwibawa, berintegriti dan berkualiti kepada yang tidak menerima anugerah ini jadikan kejayaan kawan-kawan kita untuk dicontohi dan ikutan oleh semua wargakerja bagi meningkatkan kecemerlangan MTIB. Tidak dilupakan juga kepada wargakerja yang telah memberikan perkhidmatan mereka untuk tempoh 10, 20 dan 30 tahun kepada MTIB.

Akhir kata saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa majlis pada pagi ini dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada YB Dato; Hamzah Zainuddin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi atas kesudian beliau menghadiri majlis yang penuh bersejarah bagi kami ini di samping melancarkan Program My SMS, sumbangan CSR dan Anugerah Khidmat Cemerlang. Tidak ketinggalan juga saya mengucapkan terima kasih kepada Yg Bhg Dato' Wira Ismail Salleh, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi merangkap Pengerusi MTIB yang sudi menyampaikan Anugerah Khidmat Lama kepada warga MTIB yang menerimanya.

Sekian terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA.
Kuala Lumpur